

**Sultan Selangor Sampai Sumbangan Hari Raya Kepada 512 Penerima
Bernama
30 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah isnin berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 512 orang penerima yang terdiri daripada golongan fakir, miskin, anak yatim dan mualaf.

Sumbangan itu disampaikan baginda ketika menghadiri Majlis Berbuka Puasa Sultan Selangor bersama rakyat di Masjid Ar-Ridhuan, Hulu Klang dekat sini.

Orang Besar Daerah Gombak Tan Sri Wan Mahmood Pawan Teh ketika berucap pada majlis itu menyifatkan keberangkatan Sultan Selangor pada majlis itu amat bermakna kepada rakyat Selangor ekoran kemelut perbezaan pendapat yang sedang melanda masyarakat ketika ini.

Katanya Sultan Selangor diibaratkan seperti pohon besar yang teguh dan menjadi tempat rakyat berpaut ketika menghadapi kemelut yang sedang hebat melanda negara.

"Sekiranya kemelut ini tidak dicegah, ia akan menghancurkan orang Melayu dan perpaduan Islam. Jika ini (pertelingkahan) terjadi segala kemakmuran dan cara hidup yang disanjung tinggi pada masa ini akan hancur dan tinggal sebagai bahan sejarah sahaja," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684257>

